

111 nelayan bersama tujuh bot ditahan

Sinar Harian 29/8/2019 m/s 20

KLANG - Sebanyak tujuh bot nelayan pukat jerut dengan 111 tekong dan awak-awak ditahan Pasukan Polis Marin (PPM) Pelabuhan Klang selepas didapati menangkap ikan dalam kawasan pesisir pantai sekitar jam 1 pagi kelmarin.

Komander PPM Wilayah Satu, Asisten Komisioner Rosman Ismail berkata, bertindak atas maklumat awam, anggota PPM yang sedang membuat rondaan

di perairan Tanjung Karang berjaya mengesan sekumpulan bot nelayan pukat jerut sedang menangkap ikan di pesisir pantai.

Menurutnya, menyedari kehadiran bot ronda PPM, kumpulan nelayan itu memadam lampu bot dan bertindak melarikan diri.

"Hasil kecekapan PPM berjaya menahan tujuh bot nelayan kelas C jenis pukat jerut pada kedudukan kurang dari lima batu nautika

perairan laut Tanjung Karang.

"Kesemua bot yang ditahan dibawa ke Markas Operasi PPM Pelabuhan Klang untuk tindakan lanjut," katanya pada sidang akhbar di jeti Markas Operasi PPM Pelabuhan Klang di sini semalam.

Rosman berkata, seramai 111 orang ditahan terdiri daripada tekong dan awak-awak.

"Seramai 11 orang merupakan warga tempatan

termasuk tekong manakala 101 warga asing terdiri daripada 70 warga Thailand, Kemboja (18), Myanmar (6), Indonesia (6) dan Laos (1).

"Semua yang ditahan berusia 23 hingga 51 tahun dan warga asing yang ditahan mempunyai pasport yang sah," katanya.

Rosman berkata, pihaknya turut menemui kira-kira empat tan ikan pelbagai jenis di dalam bot yang ditahan.